

Headline	'Bukan produk antikanser'		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	12 Sep 2018	Color	Full Color
Section	Rap	Circulation	112,705
Page No	56	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	676 cm ²
Journalist	Amirul Haswendy Ashari	AdValue	RM 26,528
Frequency	Daily	PR Value	RM 79,584



'BUKAN PRODUK ANTIKANSER'

Keluaran pertama hadiah Rosyam atas sokongan peminat sejak lebih 30 tahun

Amirul Haswendy Ashari
haswendy@hmetro.com.my

Ketika media sosial 'panas' dengan isu ramai artis mengeluarkan pelbagai produk kesihatan sehingga ada yang mendakwa produk mereka penyembuh pelbagai penyakit termasuk kanser, Datuk Rosyam Nor tidak ketinggalan terkena tempiasnya.

Rosyam, 51, yang baru mengeluarkan produk berasaskan durian belanda menegaskan ia bukannya produk antikanser.

"Saya hanya mengeluarkan produk berasaskan durian belanda yang mempunyai antioksidasi tinggi, bukan antikanser.

"Saya bersetuju dengan kenyataan pakar kesihatan dan doktor yang menafikan jus durian belanda mampu merawat kanser," katanya.

Rosyam berkata, sebelum mengeluarkan produk itu, dia

sudah melakukan pelbagai pembacaan di jurnal kesihatan dari seluruh dunia mengenai khasiat durian belanda termasuk dakwaan mempunyai antioksidasi tinggi.

Katanya, sehingga kini diperakui tiada penyelidikan saintifik yang dilakukan bagi mengukuhkan dakwaan durian belanda adalah antikanser.


"Sebab itu berkali-kali saya tegaskan, produk saya hanya pemakanan tambahan yang membantu meningkatkan kualiti kehidupan selain pesakit wajib meneruskan rawatan sedia ada," katanya.

Rosyam berkata, produk pertama keluarannya ini adalah hadiah buat peminat yang menyokong kerjayanya selama lebih 30 tahun dalam bidang lakonan.

Selain itu, berbekalkan sedikit ilmu pertanian, Rosyam mula menanam lebih 10,000 pokok durian belanda di tanah pertanian seluas 70 hektar di Tapak Kekal Penge-luaran Makanan (TKPM) di Pahang.

Selama tiga tahun, Rosyam sanggup turun naik makmal bekerjasama dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) serta Teknologi Park Malaysia bagi mencari khasiat terkandung dalam pokok itu sebelum memutuskan untuk mengeluarkan produk.

Headline	'Bukan produk antikanser'		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	12 Sep 2018	Color	Full Color
Section	Rap	Circulation	112,705
Page No	56	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	676 cm ²
Journalist	Amirul Haswendy Ashari	AdValue	RM 26,528
Frequency	Daily	PR Value	RM 79,584



Produk saya hanya pemakanan tambahan yang membantu meningkatkan kualiti kehidupan selain pesakit wajib meneruskan rawatan sedia ada

ROSYAM

Headline	'Bukan produk antikanser'		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	12 Sep 2018	Color	Full Color
Section	Rap	Circulation	112,705
Page No	56	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	676 cm ²
Journalist	Amirul Haswendy Ashari	AdValue	RM 26,528
Frequency	Daily	PR Value	RM 79,584

